

Headline	Anugerah buku dedah masyarakat bacaan terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	23	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 11,714
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,142



Anugerah buku dedah masyarakat bacaan terbaik

Penerbitan perlu cara kreatif dekati pembaca golongan muda

Pada petang Ahad 6 Oktober lalu, TV1 menyiarkan majlis anugerah buku yang dirakamkan dua hari sebelumnya. Acara itu anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Yang menarik, majlis itu dilangsungkan dengan gaya penyampaian Oscar.

Sebagai mana majlis Oscar untuk pencapaian dalam bidang perfileman Hollywood, laluan ke majlis anugerah buku itu juga dibentangi 'karpet merah.' Penulis, penerbit, editor serta pelbagai tenaga profesional di sebalik industri penerbitan buku, berjalan di atasnya untuk masuk ke Auditorium Perdana di Angkasapuri.

Selain itu, penyampaian setiap anugerah buku itu juga membabitkan dua personaliti dari dunia perbukuan atau media. Cara calon peringkat akhir diumumkan, serta nama pemenang yang hanya diketahui selepas sampul dibuka, juga mengikut gaya penyampaian Oscar. Timbul pertanyaan, adakah wajar penyampaian anugerah buku dilaksanakan begitu rupa?

Jika dilihat melalui pelbagai sudut, kita dapat mewajarkan penyampaian anugerah buku dilaksanakan melalui pelbagai cara demi menjangkau khalayak yang lebih luas. Penerbitan buku selalu dihubungkan dengan keintelektualan masyarakat. Oleh itu, ia lebih penting daripada sejumlah program hiburan muarahan di televisyen kita.

Pendedahan kepada masyarakat
Acara seperti itu mendedahkan masya-

rakat kepada sejumlah buku terbaik yang memenangi anugerah. Ia meliputi buku ilmiah, separa ilmiah serta buku kreatif untuk pelbagai golongan pembaca. Bagi khalayak yang gemar menambah ilmu pengetahuan atau yang suka membaca, mereka boleh memilih buku yang memenangi anugerah itu untuk dipilih dan dibaca.

Kini, perhatian terhadap penerbitan buku mendapat saingan sengit daripada media elektronik serta pelbagai bentuk media hiburan. Kita khuatir masyarakat kita, khususnya generasi muda makin jauh daripada membaca buku serius dalam kategori ilmu pengetahuan. Jika gejala ini berlaku, kita akan gagal menyediakan generasi pelapis muda yang boleh bersaing secara intelektual di peringkat domestik, rantau dan antarabangsa.

Pada majlis anugerah buku anjuran PNM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, penulis digandingkan dengan Mohana Gill untuk menyampaikan anugerah bagi penerbitan kerajaan. Mohana dengan penerbitan dalam siri *Fruitastic* antara lain menggalakkan kanak-kanak mengambil buah-buahan dalam pemakanan mereka setiap hari.

Penerbitan *Fruitastic* yang dihubungkan dengan anugerah buku itu mengilhami penulis menyampaikan pantun spontan dalam majlis itu: Di batas sawah hinggapnya undan, Masak ciku gugur ke pangkal, Memakan buah sihatkan badan, Membaca buku matangkan akal.

Gagal tingkat prestasi

Seramai mana orang menonton siaran majlis anugerah buku PNM - Kementerian Komunikasi dan Multimedia itu, tidak diketahui. Mungkin jumlahnya tidak besar. Tangapan ini kita kaitkan dengan pandangan Menteri Komunikasi

dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, baru-baru ini bahawa media arus perdana gagal meningkatkan atau gagal bersaing dengan media pihak swasta serta media sosial.

Apa pun, usaha PNM untuk menggalakkan masyarakat terus membaca dan meningkatkan kadar pembacaan, harus diteruskan. Dalam konteks kerjasama PNM dengan pelbagai kementerian dan agensi, PNM boleh menjalin kerjasama dengan memanfaatkan naskhah serahan wajib yang diserahkan oleh penerbit kepada PNM.

Umpamanya, jika ada buku dalam bidang pertanian yang baik sudah diterima oleh PNM, maka kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani boleh dirangka bagi melancarkan buku itu atau menganjurkan majlis wacananya. Hal yang sama boleh dilakukan jika membabitkan buku dalam bidang kewangan, kesihatan dan sebagainya.

Ketika setiap penerbit bergelut dengan kos promosi yang tinggi untuk memperkenalkan buku mereka kepada masyarakat, usaha PNM bagi mempromosikan buku amat dihargai.

Usaha PNM - Kementerian Komunikasi dan Multimedia umpamanya, adalah contoh terbaik bagaimana Strategi Lautan Biru Kebangsaan dapat direalisasikan demi mengembangkan industri perbukuan negara.



Penulis

ialah Sasterawan Negara dan pensyarah Fakulti Penulisan Kreatif ASWARA

Headline	Anugerah buku dedah masyarakat bacaan terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	23	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 11,714
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,142

